

24 MAY 2002

Mahathir-Pulang/I

PERDANA MENTERI SELAMAT PULANG DARI JEPUN DAN KOREA SELATAN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selamat pulang ke tanah air petang ini setelah melakukan lawatan lima hari ke Jepun dan Korea Selatan yang berjaya memperkukuhkan lagi hubungan antara Malaysia dan kedua-dua negara itu.

Jepun dan Korea Selatan yang menjadi model Dasar Pandang Ke Timur yang diamalkan Malaysia, juga merupakan antara pelabur dan rakan niaga utama negara ini.

Ketibaan Dr Mahathir di pangkalan TUDM Subang dekat sini dengan jet eksekutif disambut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan orang kenamaan lain.

Lawatan selama dua hari ke Jepun dan tiga hari ke Korea Selatan itu merupakan siri lawatan terbaru Dr Mahathir ke luar negara tahun ini.

Baru-baru ini, beliau telah melawat Washington.

Antara hasil paling menonjol daripada kunjungan perdana menteri ke Jepun dan Korea Selatan kali ini ialah sokongan yang ditunjukkan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dan Presiden Korea Selatan Kim Dae-Jung terhadap penubuhan sekretariat Asean Campur Tiga di Malaysia.

Bercakap kepada pemberita, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menghantar lebih ramai pelajar ke Korea Selatan di bawah Dasar Pandang Ke Timur.

Beliau juga melahirkan rasa kagum terhadap Korea Selatan kerana dapat membayar penuh hutang US\$56 bilion yang dipinjam dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika negara itu dilanda krisis ekonomi tidak lama dulu.

"Kita harus mempelajari dari Korea Selatan bagaimana mereka boleh pulih dengan cepat sekali," katanya.

Dr Mahathir berkata Korea Selatan mempunyai banyak industri yang amat berjaya antaranya, elektronik, bio-teknologi dan pembuatan kereta yang begitu maju sekali.

Perdana Menteri yang sempat melawat pusat penyelidikan dan pembangunan Hyundai-Kia Motor di Hanyang, berkata beliau kagum dengan keupayaan syarikat itu mengeluarkan 2.6 juta kereta setahun.

"Ini satu angka yang cukup besar bagi sebuah negara yang masih belum diiktiraf sebagai sebuah negara maju dengan penduduk 46 juta orang," katanya.

Mengenai lawatannya ke Jepun, Dr Mahathir berkata beliau dapat berbincang Perdana Menteri Jepun tentang masalah dua hala, pinjaman mata wang Yen yang sedang dipertimbangkan dan juga hasrat untuk mewujudkan Sekretariat Asean + 3 di Malaysia.

Perdana Menteri berkata bahawa semasa di Jepun, beliau telah diajukan banyak soalan terutama yang berkaitan dengan China.

-- BERNAMA

MAD MFJ MAI